

**TNB dakwa belum jadi sebahagian konsortium projek loji janakuasa
Johor
Malaysian Insider
Jun 16, 2014
Oleh Anisah Shukry**

Penyedia bekalan elektrik negara, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjarakkan dirinya daripada kontroversi membabitkan loji janakuasa Track 4A di Johor yang bernilai bilion ringgit, ketika masyarakat umum memberi reaksi bantahan terhadap loji itu dan peranan Tan Sri Francis Yeoh menerusi YTL Power International Berhad (YTL) dalam konsortium penerima tender berkenaan.

"TNB ingin menegaskan kami belum mengadakan perbincangan dengan mana-mana pihak berkaitan dengan perkara itu. Pada masa ini, kami boleh mengesahkan hanya menerima surat tawaran dan kami menyangkal dakwaan atau andaian TNB sudah menjadi sebahagian daripada konsortium itu.

"Kami sedang menilai tawaran itu dan juga peranan kami dalam projek itu sebelum memutuskan sama ada ia bermanfaat kepada TNB untuk menyertainya sebelum 25 Julai, 2015," kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Azman Mohd kepada wartawan.

YTL Power International Bhd milik Yeoh, SIPP Tenaga Sdn Bhd milik keluarga Diraja Johor dan pembekal elektrik negara Tenaga Nasional Bhd dianugerahkan projek Track 4A, kitaran gas gabungan yang boleh menjana sehingga 1,400 megawatt (MW) tenaga melalui rundingan terus.

Azman hari ini menerima memorandum membantah kerjasama YTL dan TNB dalam loji janakuasa itu daripada empat kesatuan mewakili 34,900 ahli dan kakitangan TNB di ibu pejabatnya di Kuala Lumpur.

Kesatuan berkenaan iaitu Persatuan Eksekutif TNB, Kesatuan Pecantuman Pekerja-Pekerja Tenaga Nasional Bhd, Kesatuan Pegawai Rendah TNB dan Persatuan Unit Keselamatan TNB – berkata YTL menyebabkan kesengsaraan besar-besaran kepada TNB sejak ia menandatangani perjanjian pembelian kuasa elektrik (PPA) pada 1993.

"TNB tidak menerima faedah langsung sejak berurusan dengan YTL pada 1993. Malah, generasi pertama PPA dengan TNB meletakkan beban kewangan kepada TNB, kerana ia dipaksa untuk membayar kos lebih tinggi bagi tenaga berbanding apa yang boleh dihasilkan," kata memorandum itu.

"Berdasarkan kepada angka dan maklumat yang kami terima, ia difahamkan TNB sudah membayar lebih RM20 bilion kepada YTL.

"Kami membantah dan mendesak TNB menolak sebarang tawaran bersyarat yang diberikan oleh Suruhanjaya Tenaga kepada konsortium YTL, SIPP dan TNB untuk membangunkan projek Track 4A di Pasir Gudang, Johor."

Azman berkata, beliau akan mempertimbangkan kebimbangan kesatuan berkenaan, tetapi menambah ia terpulang kepada Suruhanjaya Tenaga dan bukan TNB untuk membuat keputusan sama ada projek Track 4A diberikan kepada YTL atau tidak.

"Kita ambil berat suara orang kita (kakitangan) yang melahirkan kebimbangan mereka mengenai perkara ini," katanya.

Ahli Suruhanjaya Tenaga mempertahankan pemberian projek loji janakuasa itu melalui rundingan langsung, bukan mengadakan tender terbuka.

Perkembangan terbaru ini didedahkan berikutan komen Yeoh mengenai Malaysia perlu menghapuskan kapitalisme kroni dan mengambil kesempatan kepelbagaian etnik dalam negara untuk memperolehi pencapaian ekonomi lebih besar dan bersaing di peringkat global.

Presiden Kesatuan Pegawai Rendah TNB, Mohamad Roszeli Majid pada sidang media awal hari ini berkata, kesatuan itu sakit hati dengan kenyataan Yeoh yang "menghina kerajaan", dan berkata ironinya YTL menyertai projek Track 4A menerusi rundingan langsung sejurus selepas mengkritik kapitalisme kroni.

Beliau melahirkan kebimbangan jika projek itu diteruskan, IPP seterusnya akan mengikut jejak itu dan memasuki rundingan loji janakuasa berbilion ringgit menerusi rundingan langsung.

"Jika ini berlaku, akan ada kesan domino. Jika YTL memulakannya, IPP lain akan ikut. Jadi, kita perlu menghentikannya secepat mungkin," kata Roszeli, menambah ini adalah kali pertama kesatuan pekerja menghantar memorandum kepada TNB.

Roszeli berkata, ia juga mahu TNB untuk menghentikan semua rundingan dengan YTL sebaik saja konsesinya tamat tempoh pada September tahun lalu.

"Ia sesuatu untuk seseorang yang mengkhianati kerajaan dan pemimpin untuk mencari peluang pekerjaan luar daripada negara ini.

"Ia adalah IPP pertama yang wujud, dan ia adalah kontrak pertama yang akan tamat tempoh. Kita perlu memastikan YTL tidak diberikan sebarang projek elektrik lagi kerana kita ada pengalaman buruk dengan mereka," katanya.

Dalam laporan The Malaysian Insider pagi ini memetik sumber Barisan Nasional berkata Putrajaya kini sedang cuba mempengaruhi pemerintah negeri untuk mencari rakan lain bagi projek itu berikutan bantahan daripada kesatuan pekerja TNB terhadap pembabitan YTL dalam perjanjian Track 4A itu. – 16 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tnb-dakwa-belum-jadi-sebahagian-konsortium-projek-loji-janakuasa-johor>